

CNS3159

U GB 16-08 00168 BA156

bah

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas 9.30 Malam Ini)

Wawancara - Inflasi

FAHAMI FENOMENA INFLASI UNTUK MEMBENDUNGNYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta rakyat memahami fenomena inflasi supaya dapat memainkan peranan mengatasinya.

Perdana Menteri berkata kebanyakan rakyat tidak memahaminya secara mendalam dan oleh itu agar sukar bagi mereka membendung inflasi.

"Bagi kebanyakan kita, yang kita utamakan ialah pendapatan ataupun upahan yang tinggi. Tetapi kita tidak mengambil kira sama ada upahan yang tinggi itu membolehkan kita membeli lebih banyak barangan daripada sebelumnya," katanya dalam rancangan "Bersama Perdana Menteri" yang disiarkan menerusi TV1 malam ini.

Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin mempengerusikan wawancara itu manakala anggota-anggota panel terdiri daripada Encik Abdul Rahman Sulaiman (Bernama), Encik Johan Jaafar (Utusan Melayu) dan Cik Hardev Kaur (Business Times).

Dr Mahathir berkata yang penting sebenarnya ialah kuasa membeli, yang akan terjejas jika harga barangan naik sama dengan kenaikan upahan. -- Lagi

▼16/08/14-31MSF

U GB 16-08 00161 BA157

bah

Wawancara - inflasi 2 Kuala Lumpur (Embargo)

"Kalau upahan naik 100 peratus tetapi harga barangan juga naik 100 peratus, kita tidak boleh membeli lebih dari dahulu. Jadi, ini tidak berguna," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kenaikan gaji dengan sendirinya tidak menguntungkan sebaliknya yang menguntungkan ialah kenaikan gaji yang membolehkan orang ramai membeli barangan lebih dari sebelumnya, asalkan harganya tidak naik.

"Tetapi kita juga tahu bahawa kenaikan gaji boleh menyebabkan harga barangan naik," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam mana-mana masyarakat yang ingin mencapai kemajuan, kuasa membeli rakyat mesti meningkat dan ini boleh dilakukan melalui kenaikan upahan tanpa kenaikan kos dengan meningkatkan produktiviti.

"Inilah yang kita harus tumpukan. Kalau rakyat keseluruhannya faham ini, mereka akan berhati-hati supaya mereka akan mendapat 'purchasing power' yang meningkat dengan kenaikan upah, bukan 'purchasing power' yang tidak meningkat ataupun kadang-kadang menurun seperti di sesetengah negara di mana inflasi adalah sebanyak 1,000 peratus setahun," katanya. -- Lagi

▼16/08/14-45MSF

CNS3255

U GB 16-08 00121 BA167

bah

Wawancara - Inflasi 3 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dalam wawancara 45 minit itu, Perdana Menteri menyentuh beberapa perkara berkaitan ekonomi negara termasuklah tumpuan yang harus diberikan kepada bagaimana membendung dan mengawal inflasi.

"Memang bagi negara-negara yang melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat, ianya diancam dengan kenaikan harga barangan dan sara hidup yang tinggi.

"Jika kita tidak berhati-hati, tidak mengawal inflasi dan kenaikan harga ini, maka segala pertumbuhan ekonomi tidak akan mendatangkan manfaat sepenuhnya," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai konsep produktiviti dengan menyatakan bahawa peningkatan pengeluaran tanpa kenaikan kos boleh dilakukan.

"Kalau kita kerja dengan cukup minat, dengan cukup cekap, kita boleh mengeluarkan barangan lebih banyak," katanya. -- lagi

▼16/08/16-07MSI

CNS3256

U GB 16-08 00139 BA168

bah

Wawancara - Inflasi 4 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Ketika ditanya sejauh mana peranan pasaran matawang asing mempengaruhi usaha mengawal inflasi, Dr Mahathir berkata inflasi boleh disebabkan oleh tindakan negara-negara asing.

"Umpamanya di Jepun, kerana barangan Jepun begitu murah, maka mereka mengambil tindakan untuk menaikkan nilai Yen.

"Kalau nilai Yen itu terlalu tinggi sudah tentu barangan dari Jepun akan berharga tinggi dan tidak boleh bersaing," katanya.

Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan keadaan itu berlaku terhadap negara ini.

"Kalau kita tidak berjaga-jaga mereka akan cuba supaya nilai Ringgit ditingkatkan. Mungkin 10 peratus, 100 peratus. Apabila ianya meningkat sudah tentu kos kita juga meningkat," katanya.

Perdana Menteri berkata dalam usaha melawan keadaan itu, rakyat mesti tahu meningkatkan produktiviti, sama dengan peningkatan nilai matawang. --

Bernama

AZZ MAI

▼16/08/16-07MSI